

Pandangan dan Cabaran Guru Kolej Vokasional terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh Pandemik Covid-19

(The Views and Challenges of Vocational College Teachers on the Implementation of Teaching and Learning at Home (PdPR) during the Covid-19 Pandemic)

Abg Ashmirul Abg Abu Nawas^{1*}, Caltinie Jhassy Manja², Zainal Abiden Abdul Rasid³

¹ Pusat Pusat Pengajian Pra-Universiti, Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

² Penolong Perancang Bahasa, Unit Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka

³ Penolong Pegawai, Pejabat Pendidikan Daerah Sarikei, Unit Pendidikan Islam

*Pengarang Koresponden: anaashmirul@unimas.my

Received: 25 May 2024 | Accepted: 20 June 2024 | Published: 31 July 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.2.10>

Abstrak: Ketika Covid-19 melanda dunia pada awal tahun 2020, sektor pendidikan turut menerima kesan daripada pandemik ini kerana aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan dari rumah masing-masing secara dalam talian. Pelbagai cabaran dihadapi oleh para pengajar sepanjang pandemik Covid-19 tidak lupa juga cabaran yang dihadapi oleh pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka pandangan dan cabaran guru kolej vokasional terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang tempoh pandemic Covid-19. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti pandangan guru terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian; mengenal pasti cabaran guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan mengumpul maklumat melalui kajian soal selidik. Data kajian dianalisis dengan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 23.0 telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai bagi kedua-dua bahagian yang terdapat dalam soal selidik. Dapatan kajian mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar di Kolej Vokasional agak rendah.

Kata Kunci: Pandangan, cabaran, kolej vokasional, PDPR, Covid-19

Abstract: When Covid-19 hit the world at the beginning of 2020, the education sector was also affected by this pandemic because Teaching and Learning (PdP) activities had to be carried out from their respective homes online. The various challenges faced by teachers during the Covid-19 pandemic do not forget the challenges faced by students. The purpose of this study was to explore the views and challenges of vocational college teachers towards the implementation of teaching and learning at home during the Covid-19 pandemic. The objective of this study is to identify teachers' views on the implementation of Teaching and Learning at Home (PdPR) online; identify teachers' challenges in implementing Teaching and Learning at Home (PdPR). The design of this study is quantitative by collecting information through a questionnaire. The research data was analyzed with the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23.0 was used to obtain the mean and standard deviation for both parts of the

questionnaire. The findings of the study found that the challenges faced by teaching staff at Vocational Colleges are relatively low.

Keywords: Views, challenges, vocational college, PDPR, Covid-19

1. Pengenalan

Dikala pandemik Covid-19 merebak ke negara-negara seluruh dunia, banyak perkara dihentikan seketika dan pergerakan juga dihadkan. Cabaran untuk mebandung pandemik Covid-19 merupakan satu cabaran bagi setiap negara termasuklah negara Malaysia. Salah satu Langkah untuk mengawal penyebaran wabak Covid-19 yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ialah dengan mengeluarkan *Standard Operating Procedures* (SOP). Ini kerana peningkatan kes-kes harian dari haro ke hari yang menunjukkan kebimbangan. Sejak Covid-19 melanda dunia pada awal tahun 2020 sehingga sekarang, sektor pendidikan juga terkesan dengan tempias pandemik ini. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah dijalankan di kediaman secara dalam talian. Oleh itu, salah satu alternatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah memperkenalkan konsep Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian. Konsep PdPR ini bertujuan memastikan keberlangsungan aktiviti PdP dijalankan dengan berterusan sungguhpun terpaksa dijalankan melalui dalam talian. Bagi memudahkan pelaksanaan PdPR, KPM telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu garis panduan manual bagi memudahkan para guru dan pelajar.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian Hayati Ismail (2021), pembelajaran secara dalam talian mempunyai peruntukan jam yang tersendiri kerana pembelajaran secara bersemuka adalah satu perkara yang berbeza. Oleh sebab itu, kerajaan telah mengambil inisiatif supaya Dokumen Penjajaran Kurikulum (DPK) perlu diubahsuai supaya institusi pendidikan di Malaysia dapat selari dengan keadaan semasa. Oleh yang demikian, pelaksanaan PdPR telah menjadi cabaran bagi para guru supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat terus berjalan dalam apa jua situasi.

1.1 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh warga pendidik dalam menjalankan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh yang demikian, pengkaji akan mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh warga pendidik seperti tidak mempunyai peranti untuk melaksanakan PdPR dan jaringan internet yang lemah di kawasan luar bandar, tahap penguasaan kemahiran pedagogi guru dalam menggunakan peralatan digital dan tahap keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Masalah yang pertama ialah kekurangan peralatan dan jaringan internet di kawasan luar bandar. Semua pelajar datang dari Kawasan-kawasan yang berbeza. Maka PdPR tidak dapat dijalankan dengan lancar oleh kerana masalah seperti ketiadaan peranti dan jaringan internet yang kurang memuaskan. Dalam kajian Muhammad Izzat, Zuriani Hanim dan Nurhafizaliyana (2020), PdPR mencabar bagi seorang guru apabila berhadapan dengan situasi seperti masalah capaian internet. Maka, masalah ini memang menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang pandemik ini.

Selain itu, penguasaan kemahiran pedagogi guru terhadap menggunakan peralatan digital juga merupakan salah satu cabaran dalam melaksanakan PdPR. Ini kerana guru yang berpengalaman

atau senior kurang menggunakan digital pada masa dahulu. Setelah negara dilanda pandemic Covid-19, maka guru perlu menggunakan digital bagi meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Walaupun bagaimanapun, kaedah pengajaran menggunakan digital ini telah pun diperkenalkan pada tahun 2015 lagi, namun masih ada guru yang belum menerapkan penggunaan digital untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian Ong Yao Ping (2020), beliau menyatakan bahawa warga pendidik seharusnya menguasai Kemahiran menggunakan teknologi digital bagi memastikan kelancaran pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh pandemic Covid-19.

Antara cabaran lain yang dihadapi oleh warga pendidik adalah tahap keberkesanan penyampaian ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Seperti sedia maklum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka adalah satu perkara yang berbeza. Ini kerana, guru-guru risau akan kefahaman murid-murid tidak dapat disampaikan dengan baik. Hal ini turut disokong oleh Siti Azura, Suzana dan Zulkarnain (2021) di dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa warga pendidik perlu mempelbagaikan strategi pengajaran agar mereka mengenalpasti keberkesanan, keupayaan untuk melaksanakan, keperluan, cabaran dan permasalahan yang ditempuh sepanjang melaksanakan proses pembelajaran dalam talian. Oleh yang demikian, maka jelaslah bahawa kajian ini bertujuan mengenalpasti pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru di kolej-kolej vokasional sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik ini.

1.2 Objektif Kajian

- i. Mengetahui pandangan guru kolej vokasional sekitar bandar Kuching terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian;
- ii. Mengetahui cabaran guru kolej vokasional sekitar Kuching dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

1.3 Persoalan Kajian

- i. Apakah pandangan guru kolej vokasional sekitar Kuching terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)?
- ii. Apakah cabaran guru kolej vokasional sekitar Kuching dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)?

1.4 Kepentingan Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memberi perhatian terhadap masalah dan cabaran yang melanda warga guru dewasa ini. Ini kerana, pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bukanlah perkara yang boleh dipandang rendah. Pihak pentadbir perlu memainkan peranan yang penting bagi membendung masalah ini. Ini kerana, tugas seorang guru bukanlah sesuatu yang senang. Maka dengan ini, pentadbir sekolah perlu bekerjasama dengan guru dalam membendung masalah ini. Menurut Rahayu, Sham, Halijah, Nor Hazimah dan Wan Mohd Khairul (2020), ini merupakan cabaran baru yang dihadapi oleh pemimpin sekolah. Oleh itu, mereka perlu lebih fleksibel kerana masalah yang dihadapi pada masa sekarang. Ini jelas, setiap pihak perlu mempunyai strategi dalam menghadapi masalah yang dihadapi oleh para guru, murid, dan ibu bapa.

Di samping itu, warga pendidik adalah pihak akan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanah oleh KPM kepada mereka. Walaupun guru mempunyai komitmen yang lain, mereka perlu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Seterusnya, ibu bapa secara tidak langsungnya perlu juga menjalankan tanggungjawab mereka dalam memastikan anak-anak

mendapatkan ilmu pengetahuan. Ini kerana, ibu bapa perlu bersama-sama dalam menyelesaikan masalah supaya aktiviti pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar. Ini kerana, menurut Mohd Nasaruddin (2021), penglibatan ibubapa penting dalam mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh anak-anak mereka dapat diatasi dengan baik.

2. Tinjauan Literatur

Bab ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan berkaitan dengan pandangan guru terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah sepanjang tempoh kawalan pergerakan. Selain itu, Bab ini turut meneliti tentang apakah pandangan guru-guru kolej vokasional terhadap kaedah-kaedah pengajaran yang digunapakai selain daripada PDPPr dan bagaimanakan kaedah pengajaran bersemuka.

2.1 Pandangan Guru Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdpr)

Banyak cabaran yang dihadapi oleh warga pendidik dalam dunia Pendidikan Ketika pandemic COVID- 19 melanda dunia. Cabaran-cabaran ini tidak dapat dinafikan lagi tentang kesannya yang telah merubah sektor Pendidikan di Malaysia terutamanya proses pembelajaran dari rumah (PDPPr). Banyak dapatan kajian tentang perkara ini telah dibuat oleh pengkaji dalam kalangan guru. Sebenarnya masalah, cabaran serta halangan yang timbul semasa PDPPr dijalankan boleh menjadi perkara yang positif jika dihadapi dengan minda yang positif serta dengan penuh dedikasi seta kesabaran. Para guru adalah golongan di barisan hadapan yang berdepan dengan cabaran PDPPr ini. Sebagai contoh cabaran bagaimana melaksanakan PDPPr dengan capaian internet yang bermasalah yang dihadapi olehnya dan murid. Di sesetengah Kawasan capaian internet sangat bermasalah sehingga murid tak dapat mengikuti PDPPr menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Selain capaian internet bermasalah cabaran lain adalah bagaimana guru mampu meningkatkan motivasi murid untuk terus mengikuti dengan pembelajaran dalam talian dan bagaimana guru mampu melakukan interaksi dengan baik bersama murid semasa PDPPr dilaksanakan.

Selain itu, para pelajar juga menghadapi banyak halangan dalam mengikuti kelas secara atas talian. Suasana yang berbeza daripada kelas harian biasa yang dilalui secara bersemuka saban waktu menyebabkan para pelajar menghadapi kepayahan dalam menyesuaikan dan melibatkan diri dengan pembelajaran secara atas talian. Tambahan pula, dari segi penyampaian bahan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru, masih ramai warga pendidik yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) Thannimalai (2021).

Nor Asmah Abdullah (2012) setelah bersetuju dengan pendapat Norazilawati (2020) bahawa isu motivasi pelajar perlu ditangani dengan sebaiknya agar PDPPr menjadi lebih berkesan terutama musim pandemic. Tambahnya lagi interaksi secara maya menjadi satu cabaran di mana guru tidak dapat memantau sejauh mana focus murid. Oleh hal yang demikian, isu yang melibatkan interaksi atau komunikasi dua hala antara pelajar dan warga pendidik semasa pengajaran dan pembelajaran atas talian perlulah diambil perhatian. Dalam pada itu masalah capaian internet pelajar membantutkan proses PDPPr yang dilaksanakan oleh guru terutama di beberapa kawasan yang mempunyai masalah capaian internet yang lemah.

Antara cabaran yang lain dihadapi oleh warga pendidik adalah kepayahan mereka untuk berkomunikasi dengan pelajar secara dua hala, kekurangan sokongan pembelajaran diberikan oleh ibu bapa serta penjaga selain kurang ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian (Siti Nurbaizura Che Azizan, 2020).

Pengajaran dalam talian memerlukan kepakaran guru bukan sahaja dalam pembelajaran kandungan, kemahiran teknologi tetapi juga metodologi pengajaran dalam talian. Menurut Duong (2013), guru yang paling berjaya dan mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap pertumbuhan pelajar bukan sahaja guru yang paling berpengetahuan tetapi juga kaya dengan kasih sayang dan emosi. Namun, bagaimanakah kita boleh menyampaikan emosi dan cinta melalui mesin – komputer? Ini sememangnya satu cabaran besar untuk pendidikan dalam talian, terutamanya guru dalam talian. Fakulti/guru perlu bersedia dengan baik untuk bersiap sedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Thanh Thi Ngoc Phan (2017).

Secara umumnya semua cabaran yang dihadapi oleh guru ini boleh diatasi dengan meningkatkan kompetensi masing-masing seperti meningkatkan kemahiran berinteraksi serta komunikasi dengan murid dengan cara menguasai aplikasi komunikasi seperti *google meet* yang digunakan semasa PDPr. Malah, antara faktor lain yang mempengaruhi sikap positif tenaga pengajar terhadap pengajaran dalam talian ialah pengalaman mengajar dalam talian terdahulu, ketersediaan perisian kursus dalam talian, latihan dan kemudahan yang lebih baik, maklum balas daripada pelajar, dan fleksibiliti masa dan jadual pengajaran (Clay, 1999). Pelajar berkemungkinan akan mengalami pembelajaran yang lebih positif hasil apabila guru-guru mereka mempunyai sikap positif terhadap penyampaian kursus dalam talian (Volery, 2000).

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Rasmitadila et al. (2020) terhadap guru-guru sekolah rendah di Indonesia menyatakan bahawa pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan PDPr semasa tempoh Pandemik COVID-19 mempamerkan sikap yang positif terhadap pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh pandemik Covid-19 walaupun bilangan mereka hanya 49 orang (Siti Nurbaizura Che Azizan, 2020).

2.2 Pandangan Guru Terhadap Kaedah Pengajaran Bersemuka

Kaedah PDP bersemuka adalah satu kaedah yang paling asas serta penting yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran secara turun temurun. Kaedah ini sangat berkesan berbanding dengan kaedah lain seperti PDPr atau pembelajaran secara dalam talian. PDPr tidak akan mampu menyaingi kaedah ini walaupun PDPr adalah yang sangat masyhur ketika musim PKP. Dalam pada itu kaedah bersemuka memang ditekankan dalam Falsafah serta sistem Pendidikan Islam iaitu dengan kaedah mushafahah yang bermaksud murid perlu bersemuka dengan guru semasa PDP.

Dapatan Deepika Nambiar (2020) yang selari dengan dapatan Ramakanta dan Sonali (2020) menyatakan bahawa warga pendidik lebih cenderung untuk melaksanakan pembelajaran menggunakan kaedah bersemuka di bilik darjah berbanding kaedah pengajaran dalam talian. Sungguhpun begitu, kaedah pembelajaran atas talian merupakan pilihan yang terbaik semasa tempoh pandemik ini sungguhpun kaedah ini tidak sesuai dijadikan sebagai pengganti kepada pembelajaran konvensional (Siti Nurbaizura Che Azizan, 2020).

Tidak dapat dinafikan bahawa interaksi yang berlaku antara tenaga pengajar dan murid ketika pembelajaran secara bersemuka adalah lebih telus berbanding pembelajaran secara dalam talian. Hal ini kerana interaksi dua hala yang dilakukan secara atas talian tidak dapat dipastikan sejauh mana keberkesannya berbanding dengan interaksi yang dilakukan secara bersemuka (Abdullah, 2021).

Namun begitu terdapat dapatan yang menyatakan murid yang kurang aktif boleh menjadi murid yang aktif di mana murid tersebut boleh memberikan respon yang baik kepada gurunya semasa

proses PDPr berbanding semasa ia belajar secara bersemuka. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan respon positif pelajar terhadap penggunaan aplikasi seperti 'WhatsApp' dan juga 'Telegram'. Dapatan kajian Mojtaba dan Mahsa (2018) yang seiring dengan dapatan Siti, Maisurah, Zia dan Norazah (2014) menyatakan bahawa murid-murid menunjukkan respon yang positif terhadap pembelajaran yang dilaksanakan menggunakan aplikasi 'WhatsApp' berbanding dengan pembelajaran secara langsung di dalam kelas. Dalam erti kata lain kaedah ini menunjukkan kadar efektif yang positif di mana murid-murid yang pasif ketika pembelajaran bersemuka dilaksanakan menunjukkan tindak balas bertentangan daripada biasa apabila belajar menggunakan aplikasi 'WhatsApp' (Nor Asmah Abdullah, 2021).

2.3 Kaedah Pengajaran Bersemuka

Sarah Nguyen (2021) menggariskan beberapa ciri-ciri kaedah pengajaran yang dijalankan secara bersemuka:


- i. Dari sudut persekitaran pembelajaran bersemuka, kelas dirancang dan disusun mengikut jadual yang telah tetap yang membantu ke arah suasana yang lebih berdisiplin. Pembelajaran bilik kelas juga berlaku dalam persekitaran kumpulan dan boleh mendorong lebih banyak perbincangan, interaksi dan penglibatan semua murid.
- ii. Dari sudut Jenis Kandungan Pembelajaran ia biasanya hanya melibatkan bahan pembelajaran tradisional seperti buku teks dan pemberian nota pelajaran.
- iii. Dari sudut kadar pembelajaran pula guru mendahului rentak pembelajaran dalam suasana bilik darjah tradisional, dan pelajar mungkin belajar secara pasif.
- iv. Dari sudut jenis penilaian pula, guru sering menguji murid selepas menyampaikan satu set topik pembelajaran yang tetap. Ini kemungkinan besar ujian secara peribadi yang dipantau dengan teliti dan berlaku pada tarikh, masa, dan tempat tertentu.
- v. Dari sudut Interaksi tak segerak lawan interaksi segerak di mana pengajaran bersemuka melibatkan interaksi guru-murid secara langsung, memudahkan perbincangan segera dan penjelasan pertanyaan.

3. Metodologi

Metodologi kajian adalah suatu proses yang melibatkan kaedah dan pendekatan yang diaplikasikan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian membantu pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan lebih teratur. Selain itu, perjalanan kajian akan menjadi lebih tersusun dalam mencapai objektif yang telah digariskan. Bab ini akan menerangkan tentang metodologi kajian yang diaplikasikan dalam melaksanakan kajian ini. Bab ini turut menghuraikan secara terperinci beberapa perkara penting berkenaan dengan metodologi dan strategi yang diaplikasikan dalam menyelesaikan kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Populasi dan pensampelan.
- ii. Instrumen kajian.
- iii. Prosedur pengumpulan data.
- iv. Teknik penganalisis data.

Metodologi kajian dan strategi diatur dengan sistematik bagi mendapatkan maklumat dan data untuk menjawab persoalan kajian seperti yang dijelaskan dalam rajah I berikut.



Rajah 1: Metodologi kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kaliammah Krishnan dan Md. Yusoff Daud (2020) menyatakan bahawa reka bentuk bagi sesuatu kajian merupakan satu set rujukan yang tersusun dan teratur dalam menentukan kaedah yang tepat bagi melaksanakan kajian supaya objektif kajian yang telah ditentukan dapat dijawab. Justeru itu, kajian dilaksanakan dalam berbentuk kuantitatif yang mengaplikasikan reka bentuk tinjauan secara deskriptif bagi mendapatkan pandangan warga pendidik kolej vokasional sekitar Kuching terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh warga pendidik kolej vokasional sekitar Kuching sepanjang tempoh pelaksanaan PdPR.

3.2 Populasi Dan Persampelan

Populasi adalah sekumpulan individu yang mempunyai kriteria yang sama. Menurut Yusof, (2004), setiap responden bagi sesuatu populasi mempunyai kemungkinan untuk berbeza-beza dalam pelbagai aspek, namun mereka seharusnya mempunyai satu kriteria yang sama. Manakala proses persampelan adalah pemilihan sebahagian pecahan daripada suatu populasi bagi mewakili keseluruhan populasi yang dikaji (Yusof, 2004). Penulis telah memilih populasi kajian ini daripada dua buah Kolej Vokasional yang terletak di Kuching, Sarawak. Kaedah pemilihan populasi yang digunakan adalah secara rawak berfokus. Manakala bagi persampelan pula, penulis telah mengambil 40 orang tenaga pengajar dari dua buah Kolej Vokasional tersebut dan kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah Rawak Mudah. Kolej-kolej tersebut ialah:

- i. Kolej Vokasional Seingkat, Kuching.
- ii. Kolej Vokasional Matang, Kuching.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian lepas yang dijalankan oleh Nurbaizura dan Nurfadilla (2020) bertajuk 'Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan *Home Based Learning* (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19'. Pengkaji menggunakan borang kaji selidik ini kerana ianya menjawab persoalan kajian yang dilaksanakan iaitu mendapatkan pandangan warga pendidik tentang pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) selain cabaran yang

mereka lalui dalam melaksanakan PdPR sepanjang tempoh pandemic berlangsung. Selain itu, borang kaji selidik ini telah diadaptasi berdasarkan kesesuaian kandungan supaya seiring dengan fokus utama kajian. Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A yang mengkaji tentang pandangan guru berkenaan dengan pelaksanaan PdPR dan bahagian B berkenaan dengan cabaran yang dilalui oleh warga pendidik. Borang soal selidik ini adalah dalam bentuk Skala Likert lima mata sepertimana yang ditunjukkan dalam *Jadual 1* di bawah:

Jadual 1: Skala Likert

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

3.4 Proses Pengumpulan Data

Bagi menjalankan kajian ini, penulis memohon kebenaran dengan pengarah Kolej Vokasional Kuching dan Kolej Vokasional Matang dengan menghantar surat permohonan mengedarkan borang soal selidik untuk mengutip data (*lampiran i*). Setelah mendapat kebenaran, penulis telah mengedarkan borang soal selidik secara dalam talian melalui pautan googleform kepada tenaga-tenaga pengajar di kedua-dua kolej vokasional (*lampiran ii*).

3.5 Analisis Data

Dalam proses menganalisis data yang telah dikutip, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0 bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai bagi kedua-dua bahagian yang terdapat dalam borang soal selidik.

4. Dapatan Kajian

Bab ini akan membincangkan tentang dapatan kajian yang dijalankan di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching. Perbincangan dapatan kajian akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu, perbincangan latar belakang responden, perbincangan pandangan guru-guru di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) dalam tempoh andemic dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) sepanjang tempoh pandemic.

Dalam kajian ini, nilai min (M) dan sisihan piawai (SP) digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada cadangan Pallant (2010) seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 2*:

Jadual 2: Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

4.1 Latar Belakang Responden

Rajah 2 menunjukkan pecahan bilangan responden daripada kedua-dua belah kolej vokasional.




Rajah 2: Bilangan Responden Kedua-dua Kolej

Berdasarkan rajah tersebut, dapat dilihat seramai 12 orang responden dari Kolej Vokasional Matang dan 28 orang responden dari Kolej Vokasional Kuching.

Berdasarkan jantina pula, dilihat responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki. 67.5% responden adalah perempuan manakala selebihnya 32.5% adalah lelaki. Hal ini dapat dilihat daripada rajah iii dibawah:


JANTINA
 40 responses



Rajah 3: Jantina

Bagi usia pula, kebanyakan responden adalah berusia 30 – 39 tahun di mana 45% daripada keseluruhan responden. Selain itu, 25% responden adalah berusia 50 tahun ke atas di mana ianya mewakili populasi kedua terbesar daripada keseluruhan responden. Selebihnya, kedua-dua kategori umur bawah 30 tahun dan 40 – 49 tahun adalah 15%. *Rajah 4* di bawah mewakili pembahagian umur responden:


USIA
 40 responses



Rajah 4: Usia

Bagi pembahagian jawatan pula, bilangan responden yang paling tinggi adalah berjawatan dg41 yang merangkumi 45% daripada keseluruhan populasi. Seterusnya, sebanyak 27.5% responden berjawatan dg48 dan 22.5% pula berjawatan dg44. Hanya 5% daripada keseluruhan populasi berjawatan dg54 dan tiada responden yang berjawatan jusa di kedua-dua kolej vokasional tersebut. Secara keseluruhannya, pembahagian mengikut jawatan boleh dilihat di rajah 5 di bawah:

GRED/JAWATAN
 40 responses




Rajah 5: Jawatan

Bagi kelayakan akademik pula, rata-rata responden adalah pemegang ijazah sarjana muda iaitu mewakili 95% daripada keseluruhan populasi. Hanya 5% daripada keseluruhan populasi yang memegang ijazah sarjana dan tiada responden yang memegang kelayakan diploma mahupun kedoktoran. *Rajah 6* di bawah mewakili pembahagian populasi responden mengikut kelayakan akademik:

KELAYAKAN AKADEMIK

40 responses




Rajah 6: Akademik

Seterusnya, bagi tempoh bekerja pula, rata-rata responden mempunyai pengalaman bekerja sekitar 1 hingga 5 tahun iaitu mewakili 35% daripada keseluruhan populasi. Seterusnya, sebanyak 32.5% responden mempunyai pengalaman bekerja sekitar 20 tahun ke atas. Sebanyak 15% daripada keseluruhan populasi mempunyai pengalaman bekerja sekitar 11 hingga 15 tahun dan 10% mempunyai pengalaman bekerja sekitar 6 – 10 tahun. Sebanyak 7.5% responden mempunyai pengalaman bekerja sekitar 16 hingga 20 tahun. *Rajah 7* di bawah mewakili pengalaman bekerja bagi responden-responden:

TEMPOH BEKERJA

40 responses



Rajah 7: Tempoh Bekerja

4.2 Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) Dalam Tempoh Pandemik.

Subtopik ini akan menghuraikan pandangan guru-guru di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) dalam tempoh pandemic. Jadual di bawah menunjukkan keputusan min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang diberikan kepada responden-responden;

Jadual 3: Dapatan Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) Dalam Tempoh Pandemik

No	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
	PdPR memudahkan penyampaian pengajaran saya kepada murid.	3.6	0.74746	Sederhana
2.	PdPR memudahkan saya untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran.	3.975	0.8912	Tinggi
3.	PdPR menjadikan bahan bantu mengajar saya lebih efektif dan menarik.	3.6	0.54538	Sederhana
4.	PdPR memudahkan saya mengemaskini bahan pengajaran dari semasa ke semasa.	3.65	0.69981	Sederhana
5.	PdPR memudahkan saya menghantar tugas kepada murid.	3.8	0.88289	Tinggi
6.	PdPR memudahkan saya membuat penilaian terhadap murid.	3.7	0.64847	Tinggi
7.	PdPR lebih menarik berbanding pembelajaran bersemuka.	3.75	0.58834	Tinggi
8.	Purata keseluruhan	3.725	0.71479	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan dapatan yang diperolehi berkaitan dengan pandangan guru terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) dalam tempoh pandemik. Hasil kajian mendapati pandangan guru terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi di mana nilai $M = 3.725$; $SP=0.71479$. Hal ini membuktikan bahawa responden-responden mempunyai pandangan yang positif terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) dalam tempoh pandemik. Rata-rata responden berpendapat bahawa PDPR memudahkan mereka untuk menyediakan bahan pengajaran dengan nilai $M = 3.975$; $SP = 0.8912$. Ini membuktikan bahawa responden-responden mempunyai nilai positif yang tinggi dalam menggunakan sumber yang ada secara talian untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran. Selain itu juga, itu soalan kelima turut menunjukkan nilai interprestasi yang paling tinggi di mana nilai $M=3.8$; $SP = 0.88289$. Hal ini jelas membuktikan bahawa responden-responden merasakan bahawa pelaksanaan PDPR memudahkan mereka menghantar tugas kepada pelajar-pelajar. Selain itu, item soalan ketujuh menunjukkan nilai bacaan ketiga tertinggi dengan nilai $M = 3.75$; $SP = 0.58834$. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden-responden mempunyai pandangan yang positif terhadap kaedah pengajaran PDPR dan merasakan bahawa ianya lebih menarik berbanding kaedah bersemuka. Selain itu, responden-responden turut berpendapat bahawa kaedah PDPR ini memudahkan mereka membuat penilaian dengan nilai $M = 3.7$; $SP = 0.64847$. Secara keseluruhannya, data menunjukkan bahawa guru-guru di Kolej Vokasional Kuching dan Kolej Vokasional Matang menunjukkan tahap kesediaan dan nilai positif yang tinggi dalam melaksanakan pembelajaran atas talian sepanjang tempoh pandemik *covid-19*.

4.3 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Untuk Melaksanakan Pdpr Dalam Tempoh Pandemik Covid-19.

Subtopik ini akan membincangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) sepanjang tempoh pandemik. Jadual di bawah menunjukkan keputusan min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang diberikan kepada responden-responden;

Jadual 4: Dapatan Pandangan Guru Terhadap cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di Kolej Vokasional dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang tempoh pandemik

No	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
1.	Kurang pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi.	1.775	0.61966	RENDAH
2.	Kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala dengan murid.	1.85	0.80224	RENDAH
3.	Tidak mempunyai akses internet yang stabil.	3.7	0.68687	TINGGI
4.	Tidak mempunyai kemudahan telefon, computer riba, tablet atau sebarang peranti lain.	1.5	0.64051	RENDAH
5.	Tidak mahir dalam penggunaan media sosial, emel dan platform platform pendidikan atas talian.	1.925	0.76418	RENDAH
6.	Kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa/penjaga.	3.8	0.91147	TINGGI
7.	Purata keseluruhan	2.15	0.73749	RENDAH

Jadual 4 menunjukkan tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang tempoh pandemik. Secara keseluruhannya, didapati cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar di Kolej Vokasional agak rendah dengan $M=2.15$; $SP = 0.73749$. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa item soalan yang mencatatkan bacaan min yang agak tinggi. Item soalan keenam, ‘kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa/penjaga’ mencatat bacaan yang paling tinggi iaitu $M=3.8$; $SP = 0.91147$. Di sini dapat dilihat bahawa rata-rata responden bersetuju bahawa pelajar mereka kurang mendapat sokongan pembelajaran daripada ibu bapa/penjaga sepanjang tempoh pandemik *covid-19*. Selain itu, item soalan ketiga, ‘tidak mempunyai akses internet yang stabil’ mencatat bacaan kedua tertinggi iaitu $M=3.7$; $SP = 0.68687$. Hal ini menunjukkan bahawa rata-rata responden bersetuju bahawa mereka mempunyai masalah akses internet akibat daripada ketidakstabilan akses internet di kawasan masing-masing. Selain itu, kesemua item soalan yang lain menunjukkan bacaan min yang rendah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, tenaga-tenaga pengajar di kedua-dua kolej vokasional mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknologi, tidak mengalami masalah dalam mewujudkan komunikasi dua hala antara mereka dan para pelajar, mempunyai kemudahan telefon, computer riba, tablet atau sebarang peranti lain dan mahir dalam penggunaan media sosial, emel dan platform platform pendidikan atas talian.

4.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat dilihat bahawa tenaga-tenaga pengajar di kedua-dua kolej vokasional memberi pandangan yang positif terhadap pelaksanaan sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR). Selain itu, tenaga-tenaga pengajar di kedua-dua kolej vokasional turut tidak terkesan dengan cabaran-cabaran yang datang dalam melaksanakan PDPR sepanjang tempoh kawalan pergerakan.

5. Perbincangan Dan Kesimpulan

Secara umumnya, dapat dilihat bahawa guru-guru Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching melihat isu pelaksanaan PDPR sebagai satu perkara yang positif dan tidak terkesan dengan perubahan proses pengajaran tersebut. Rata-rata responden memberi pandangan yang positif terhadap perkara tersebut berdasarkan analisis item-item soalan yang dikemukakan pada lampiran borang kaji selidik (*lampiran ii*).

5.1 Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (Pdpr) Dalam Tempoh Pandemik.

Berdasarkan analisis item-item soalan, dapat dilihat bahawa guru-guru di Kolej Vokasional Matang dan Kolej Vokasional Kuching berpandangan positif terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dalam tempoh pandemik. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan purata keseluruhan skor min, $M = 3.725$; $SP = 0.71479$. Hal ini membuktikan bahawa pelaksanaan PDPR sepanjang tempoh pandemic *covid-19* tidak menjejaskan guru-guru di kedua-dua kolej vokasional tersebut. Dapatan kajian ini didapati selari dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Rasmitadali et. Al (2020), Mohammad (2020), Deepika Nambiar (2020), Ramakanda dan Sonali (2020) dan Iman & Irfan (2020). Malah, Deepika Nambiar (2020) menegaskan bahawa kebanyakan tenaga pengajar masih lagi memandangkan positif terhadap isu pelaksanaan PDPR ini dan masih lagi mampu melaksanakan tugas mereka dengan baik. Walau bagaimanapun, menurut kajian yang dilaksanakan oleh Ramakanda dan Sonali (2020), guru-guru hanya bersetuju kaedah PDPR ini dilaksanakan ketika pandemic sahaja dan bukan dijadikan sebagai kaedah utama bagi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan tenaga pengajar tidak bersetuju sekiranya kaedah ini dijadikan sebagai kaedah utama untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan dan masih kekal untuk memilih kaedah bersemuka untuk dijadikan sebagai kaedah utama pembelajaran pelajar.

5.2 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Untuk Melaksanakan Pdpr Dalam Tempoh Pandemik Covid-19.

Seperti yang diuraikan di dalam bab 4, kebanyakan guru tidak melihat isu pelaksanaan PDPR sebagai satu cabaran yang besar kepada mereka. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dengan interpretasi $M=2.15$; $SP = 0.73749$ yang mana ini merupakan satu bacaan yang rendah. Sungguhpun begitu, guru-guru di Kolej Vokasional Kuching dan Matang masih berpendapat bahawa kekurangan akses internet dan sokongan daripada ibu bapa/penjaga menjadi penghalang bagi mereka untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

5.3 Cadangan Kajian Akan Datang

Terdapat beberapa perkara yang boleh diambil kira untuk dijadikan kajian lanjut pada masa akan datang. Antaranya adalah dengan melihat pandangan guru-guru selain daripada kolej vokasional tentang pelaksanaan Pelajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR). Selain itu, pengkaji juga boleh mengkaji tentang pandangan guru-guru terhadap proses pembelajaran yang digunakan sebelum pdpr. Antara lain, pengkaji boleh melihat pandangan pelajar terhadap pelaksanaan PDPR.

5.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa guru-guru kolej vokasional memberi pandangan yang positif terhadap pelaksanaan PDPR dan melihat cabaran yang dihadapi mereka sebagai perkara yang remeh temeh.

Rujukan

- Arifah Prima Satrianingrum, Iis Prasetyo, 2021. *Persepsi Guru Dampak Pandemi Covid-19 terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Daring di PAUD Pendidikan Anak Usia Dini*, Universitas Negeri Yogyakarta
- Hayati Ismail. 2021. *Tercapainya Kemenjadian Murid Melalui Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr)*. Kolumnis Astro Awani bertarikh 8 Jun 2021.

- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin, Zulkurnain Bin Hassan, 2021, *Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (Epembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat, Kolej Komuniti Hulu Langat, Kolej Komuniti Hulu Langat, Jalan Prima Saujana 2/G, Taman Prima Saujana, 43000 Kajang Selangor, Malaysia*
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2020. *Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19*
- Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad, M. Khalid M. Nasir, 2022. *Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid Untuk Belajar dalam Norma Baharu (The Relationship Between Teacher Competence and Student Learning Motivation in the New Norm)*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia
- Thannimalai Dan Salini Baloh, 2021. *Cabaran Pdpr Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar Challenges Of Tamil Language Pdpr In Rural Schools Tamilmullai*, Faculty Of Language And Communication, Sultan Idris University Of Education, Malaysia.
- Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran, 2021. *Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 Di Malaysia (Teacher Perspective Of Student Involment In Online Teaching And Learning During The Covid-19 Pandemic In Malaysia)*
- Thanh Thi Ngoc Phan and Ly Thi Thao Dang, 2017. *Teacher Readiness for Online Teaching: A Critical Review Vice Director, eLearning Center – HCMC Open University, Vietnam.*
- Florence Martin, Kiran Budhrani, and Chuang Wang, 2019. *Examining Faculty Perception of Their Readiness to Teach Online University of North Carolina Charlotte.*
- Sarah Nguyen, 2021. *Online Learning vs. Face-to-Face Learning: Which Is Best?, Online Learning vs. Face-to-Face Learning: Which Is Best? (whatfix.com)* .
- Mahadzir Khalid. 2021. *Cabaran Pendidikan Dalam Talian – Realiti atau Fantasi?. Pemikir Baharu Utusan Malaysia*. Diperolehi semula pada 5 Ogos 2021 daripada laman web <https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/cabaran-pendidikan-dalam-talian-realiti-atau-fantasi/>
- Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim dan Nur hafizaliyana. 2020. *Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19*. Jurnal Kesidang, Vol.5, 2020: 88-99.
- Ong Yao Ping. 2020. *Guru Perlu Kuasai Teknologi Digital Penuhi Tuntutan PdP*. Diperolehi semula pada 5 Ogos 2021 melalui laman web <https://www.bharian.com.my/rencana/mindapembaca/2020/07/714249/guru-perlu-kuasai-teknologi-digital-penuhi-tuntutan-pdp>
- Rahayu, Sham, Halijah, Nor Hazimah dan Wan Mohd Khairul. 2020. *Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19*. Jabatan Pembangunan Staf. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Nasaruddin. 2021. *Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Bergantung Kepada Ibu bapa dan Murid*. Diperolehi semula pada 5 Ogos 2021 daripada laman web <https://bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/818379/kejayaan-pdpr-bergantung-kepada-ibubapa-murid>